


01 SEPT 2024

Pusat Kawalan Dokumen
JABATAN PENDAFTAR UTM - BPA


 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	JABATAN PENDAFTAR	JP/AMD/PPPG/02
	PROSEDUR KERJA PENGAMBILAN PELAJAR PASCASISWAZAH UNIVERSITI	Tarikh Kuatkuasa: 01.09.2024 Edisi: 5 Pindaan: 0 Muka: 1/6

PROFIL PINDAAN

Edisi	No. Pindaan	No. BPD	Ringkasan Pindaan Dokumen	Disediakan Oleh	Disahkan Oleh	Tarikh Kuatkuasa
5	0		Dokumen Baharu	PPK	TP	01.09.2024

Dokumen lengkap boleh didapati di dalam Borang Pindaan Dokumen mengikut nombor berkaitan dan tersimpan di Pusat Kawalan Dokumen Pengurusan Kualiti, Jabatan Pendaftar

01 SEPT 2024

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	JABATAN PENDAFTAR	JP/AMD/PPPG/02
	PROSEDUR KERJA PENGAMBILAN PELAJAR PASCASISWAZAH UNIVERSITI	Tarikh Kuatkuasa: 01.09.2024 Edisi: 5 Pindaan: 0 Muka: 2/6

1.0 TUJUAN

Tujuan prosedur ini adalah bagi menerangkan prosedur kerja pengambilan pelajar pascasiswazah universiti sebagai rujukan dan garis panduan bagi memastikan proses pengambilan pelajar sentiasa mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Universiti.

2.0 SKOP

Terpakai kepada pengambilan pelajar pascasiswazah universiti bagi: -

- Program Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran bagi pengajian mod kerja kursus, campuran dan penyelidikan.
- Pelajar warganegara dan antarabangsa.

3.0 SUMBER RUJUKAN

- Peraturan Akademik Pengajian Siswazah, SPS UTM
- KAPS-9 Kod Amalan Penyelidikan Pasca Siswazah, Sekolah Pengajian Siswazah

4.0 DEFINISI

4.1 Calon Pelajar

Seseorang yang ditawarkan untuk mengikuti mana-mana program pengajian siswazah tetapi belum membuat pendaftaran program.

4.2 Ijazah Kedoktoran (PhD)

Ijazah yang dianugerahkan kepada pelajar yang berjaya dalam program Doktor Falsafah atau setaraf.


4.3 Ijazah Sarjana

Ijazah Sarjana ialah ijazah yang dianugerahkan kepada pelajar yang berjaya dalam program Sarjana atau setaraf.

4.4 Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL)

Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL) merujuk kepada peruntukan peluang pembelajaran yang fleksibel dari segi akses dan pelbagai mod pemerolehan pengetahuan.

01 SEPT 2024

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	JABATAN PENDAFTAR	JP/AMD/PPPG/02
	PROSEDUR KERJA PENGAMBILAN PELAJAR PASCASISWAZAH UNIVERSITI	Tarikh Kuatkuasa: 01.09.2024 Edisi: 5 Pindaan: 0 Muka: 3/6

4.5 **Pascasiswazah**

Program pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.

4.6 **Pengajian Kerja Kursus**

Pengajian Kerja Kursus ertinya kaedah pelaksanaan sesuatu program pengajian siswazah yang memerlukan pelajar mengikuti kuliah dan/atau menjalani latihan akademik yang berbentuk tugasan, projek dan seumpamanya.

4.7 **Pengajian Kerja Kursus dan Penyelidikan (Mod Campuran)**

Pengajian Kerja Kursus dan Penyelidikan ertinya pengajian siswazah yang dilaksanakan secara gabungan kerja kursus dan penyelidikan. Penyelidikan lazimnya dilaksanakan setelah pelajar berjaya menyelesaikan semua komponen kerja kursus yang ditetapkan dalam kurikulum program pengajian.

4.8 **Pengajian Penyelidikan**

Pengajian Penyelidikan merujuk kepada pengajian siswazah yang dilaksanakan sepenuhnya secara penyelidikan.


4.9 **Program**

Program bermaksud program pengajian yang ditawarkan oleh setiap Fakulti yang melibatkan tempoh pengajian dan perancangan kuliah yang telah diluluskan oleh Universiti dan Kementerian Pendidikan Tinggi sebagai program akademik untuk tujuan penganugerahan ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran secara penyelidikan.

4.10 **Program Perdana**

Program Perdana ertinya program pengajian siswazah lazim yang dilaksanakan di kampus Universiti.

01 SEPT 2024

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	JABATAN PENDAFTAR	JP/AMD/PPPG/02
	PROSEDUR KERJA PENGAMBILAN PELAJAR PASCASISWAZAH UNIVERSITI	Tarikh Kuatkuasa: 01.09.2024 Edisi: 5 Pindaan: 0 Muka: 4/6

4.11 **Program Khas**

Program Khas adalah program yang dilaksanakan untuk memenuhi permintaan khusus sesebuah organisasi atau institusi tersebut sahaja berdasarkan memorandum perjanjian MOA atau kontrak perkhidmatan antara kedua-dua pihak. Pelaksanaan program khas akan menggunakan kurikulum program UTM dan menggunakan tenaga pengajar UTM sepenuhnya.

4.12 **Program Pesisir**

Program Pesisir ertinya program pengajian siswazah yang dikendalikan di luar waktu pejabat pada lokasi yang ditetapkan di dalam dan luar negara.

4.13 **SMART**

System of Management, Admission and Recruitment.


4.14 **SRAdS**

Seksyen Rekrutmen dan Kemasukan Pelajar.

5.0 **SINGKATAN**

- 5.1 MQA - Malaysian Qualifications Agency (Agensi Kelayakan Malaysia)
- 5.2 ODL - *Open and Distance Learning* (Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh)
- 5.3 PhD - Doktor Falsafah
- 5.4 PPK - Penolong Pendaftar Kanan
- 5.5 PPT - Penolong Pegawai Tadbir
- 5.6 PT (P/O) - Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
- 5.7 SMART - *System of Management, Admission and Recruitment*
- 5.8 SRAdS - Seksyen Rekrutmen dan Kemasukan Pelajar
- 5.9 TDA - Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar)


01 SEPT 2024

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	JABATAN PENDAFTAR	JP/AMD/PPPG/02
	PROSEDUR KERJA PENGAMBILAN PELAJAR PASCASISWAZAH UNIVERSITI	Tarikh Kuatkuasa: 01.09.2024 Edisi: 5 Pindaan: 0 Muka: 5/6


6.0 KETERANGAN PROSEDUR

Pegawai Bertanggungjawab	Tindakan
PPT/PPK	6.1 Memohon Fakulti mengemaskini dan mengesahkan senarai program pascasiswazah bagi program perdana, pesisir, khas dan ODL untuk ditawarkan pada semester berikutnya melalui Borang Penawaran Program.
PPT/PPK, TDA	6.2 Menerima senarai program pascasiswazah bagi program perdana, pesisir, khas dan ODL yang akan ditawarkan pada semester berikutnya setelah mendapat pengesahan dari Fakulti.
PPT/PPK	6.3 Mengemaskini senarai program pascasiswazah bagi program perdana, pesisir, khas dan ODL yang akan ditawarkan pada semester berikutnya di dalam sistem SMART.
PPT/PP	6.4 Menerima permohonan kemasukan ke program daripada calon pelajar.
PT (P/O), PPT/PPK	6.5 Memproses permohonan calon pelajar berdasarkan kelayakan akademik dan dokumen sokongan mengikut kategori pengajian. Rujuk: a) Arahan Kerja Pengambilan Pelajar Pascasiswazah bagi Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran (JP/AMD/PPPG/02.01) b) Arahan kerja Pengambilan Pelajar Pascasiswazah bagi Mod Penyelidikan (JP/AMD/PPPG/02.02)
PT (P/O), PPT/PPK	6.6 Memaklumkan keputusan permohonan kepada calon pelajar. Rujuk: c) Arahan Kerja Pengambilan Pelajar Pascasiswazah bagi Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran (JP/AMD/PPPG/02.01) d) Arahan kerja Pengambilan Pelajar Pascasiswazah bagi Mod Penyelidikan (JP/AMD/PPPG/02.02)

01 SEPT 2024

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	JABATAN PENDAFTAR	JP/AMD/PPPG/02
	PROSEDUR KERJA PENGAMBILAN PELAJAR PASCASISWAZAH UNIVERSITI	Tarikh Kuatkuasa: 01.09.2024 Edisi: 5 Pindaan: 0 Muka: 6/6

CARTA ALIR

Standard	Carta Aliran	Tanggungjawab
6.6 Rujuk a) Arahan Kerja Pengurusan Pengambilan Pelajar Pascasiswazah Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran (JP/AMD/AK MK/03) b) Arahan kerja Pengurusan Pengambilan Pelajar Pascasiswazah Mod Penyelidikan (JP/AMD/AK MP/04)	 <pre> graph TD MULA([MULA]) --> 6.1[6.1] 6.1 --> 6.2[6.2] 6.2 --> D{ } D -- Tidak Lengkap --> 6.2 D -- Lengkap --> 6.3[6.3] 6.3 --> 6.4[6.4] 6.4 --> 6.5[6.5] 6.5 --> 6.5[6.5] 6.5 --> TAMAT([TAMAT]) </pre>	PPT/PPK PPT/PPK, TDA PPT/PPK PT (P/O) PT (P/O), PPT/PPK PT (P/O), PPT/PPK

7.0 REKOD

- 7.1 Borang Permohonan Pengiklanan Program Pengajian Siswazah Secara Perdana / Pesisir / Khas